

12 JAN 2004

Rahim-Taman

TAMAN PERTANIAN SABAH DAYA TARIKAN PELANCONG

TENOM, 12 Jan (Bernama) -- Taman Pertanian Sabah (TPS) perlu diberi pendedahan secara meluas, termasuk dipromosikan di luar negeri sebagai salah satu destinasi pelancongan yang menarik di negara ini.

"TPS mempunyai potensi besar untuk dijadikan daya tarikan pelancong, terutama dari luar negeri, kerana kawasan ini mempunyai pelbagai keunikan yang mungkin tidak terdapat di negara-negara lain," kata Menteri Pertanian dan Industri Makanan negeri, Datuk Abdul Rahim Ismail.

Sehubungan itu, beliau mahu pengurusan taman itu meningkatkan usaha promosi bagi mewujudkan kesedaran kepada masyarakat tempatan mahupun luar negeri tentang keunikannya.

"Saya sendiri sangat kagum dengan taman ini dan saya percaya jika diberikan pendedahan lebih luas, taman ini mampu menjadi daya tarikan kepada para pelancong luar negeri untuk berkunjung ke Sabah," katanya kepada Bernama hari ini.

Abdul Rahim yang melawat taman itu Sabtu lepas berkata, keunikan taman itu, terutama sekali himpunan pelbagai spesis tumbuhan hutan yang terdapat di Sabah termasuk yang diancam kepupusan, sangat sesuai dijadikan tempat untuk mendidik generasi muda tentang pentingnya memelihara khazanah hutan.

"TPS bukan sahaja menawarkan tempat untuk berekreasi, tetapi untuk mendidik orang ramai supaya menghargai dan memahami tentang pentingnya hubungan manusia dengan alam semulajadi.

"Dengan cara ini generasi muda, khususnya pelajar, akan dapat memahami betapa pentingnya alam semulajadi dipelihara," katanya, yang menghabiskan hampir tiga jam melawat taman itu yang terletak kira-kira 10km dari sini atau 96km dari Kota Kinabalu.

TPS mula dibuka kepada orang ramai pada Mac 2000 dan dirasmikan oleh

bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad pada 25 Mac 2001.

Taman seluas 200 hektar itu menempatkan lebih 400 spesis tumbuhan bernilai ekonomi yang ditanam secara sistematik dan dikumpul mengikut kegunaannya. Ia juga mempunyai pusat orkid tempatan dengan menempatkan lebih 400 daripada 1,500 spesis orkid yang telah dikenalpasti di kepulauan Borneo.

-- BERNAMA

EM JS AM